

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

ATP200 - Prinsip-Prinsip Kewangan

Tarikh: 5 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

JAWAB SOALAN SATU DI BAHAGIAN A DAN TIGA LAGI DARI BAHAGIAN B DAN C, SEKURANG-KURANGNYA SATU DARI SETIAP BAHAGIAN.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Lampiran 1 (A) - (E) mengemukakan maklumat-maklumat dan analisa-analisa kewangan yang lengkap bagi Syarikat Faber Merlin, syarikat hotel tempatan terkenal. Sila jalankan apa-apa analisa yang perlu dan tulis satu essei memberi pandangan anda terhadap syarikat dari segi pencapaian, kedudukan kewangan, kestabilan dan sebagainya.

(40 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

Soalan 2

Dengan menggunakan maklumat-maklumat dalam Lampiran 1, pengetahuan kewangan am anda dan andaian-andaian yang diperlu, hasilkan Kunci Kira-Kira dan Penyata Untung Rugi Proforma 1987 bagi Faber Merlin Bhd. Sila terangkan asas setiap angkubah dalam penyata-penyata itu.

(20 markah)

Soalan 3

Huraikan satu kaedah belanjawan modal yang kompleks (IRR atau NPV) dan satu lagi kaedah yang mudah. Apakah kebaikan dan keburukan setiap kaedah. (Penghuraian anda mesti melibatkan satu contoh kiraan.)

(20 markah)

...3/-

BAHAGIAN C

Soalan 4

Tulis essei pendek tentang:

(a) Polisi Kredit

(8 markah)

(b) Polisi Kutipan (akaun belum terima).

(4 markah)

(c) Polisi Stok (inventori)

(8 markah)

Soalan 5

Apakah Penyata Aliran Dana? Terangkan kepentingan dan kegunaan penyata itu. Anda boleh guna Lampiran 1 (D) sebagai contoh untuk menjawab soalan ini.

(20 markah)

Soalan 6

Jawab kedua-dua soalan di bawah:

(a) Bandingkan pinjaman jangka panjang dengan pinjaman jangka pendek.

(b) Apakah analisa sensitiviti? Huraikan kaedah dan kegunaan analisa sensitiviti.

(20 markah)

-ooo000ooo-

LAMPIRAN 1 (A)

FABER MERLIN BHD

(A) KUNCI KIRA-KIRA	1981	1982	1983	1984	1985	1986
(1) MODAL DIGUNAKAN						
MODAL SAHAM	87686	131815	131815	247759	311018	311503
JUMLAH REJAB	-2941	104315	104498	127948	119178	55517
JUMLAH EKUITI PEMEGANG SAHAM	84745	236130	236313	375707	430196	367020
SAHAM TERPILIH & "CONVERTIBLE"	0	0	56413	46493	45827	45804
KEPENTINGAN MINORITI	3273	3321	2546	3611	543	959
PINJAMAN JANGKA PANJANG	7900	18805	1271	46327	55343	65414
CUKAI TERTUNDA	0	0	0	7502	11445	5110
TANGGUNGAN JANGKA PANJANG LAIN	869	1473	1242	860	1190	1705
JUMLAH MODAL DIGUNAKAN	96787	259729	297785	480500	544544	486012
(ii) HARTA DIGUNAKAN						
HARTA T- TANAH & BANGUNAN	118501	246076	269693	499000	565270	658077
HARTA TETAP LAIN	19459	30407	28321	74967	98777	63797
SYARIKAT BERSEKUTU	2442	4785	6571	4907	148942	2144
PELABURAN-PELABURAN	2046	3143	3191	1754	1826	21914
HARTA "INTANGIBLE"	733	1419	1369	6590	7865	22456
JUMLAH HARTA JANGKA PANJANG	143181	285830	309145	587218	822680	768388
STOK-STOK	1419	1586	1481	1991	2571	12175
SIBERHUTANG DAGANGAN	10799	20966	18541	18990	37661	35125
SIBERHUTANG LAIN	2071	10371	9420	11828	15999	11042
WANG TUNAI BAKI BK & SIMPANAN	1464	13650	20543	15515	3379	1436
JUMLAH HARTA SEMASA	15753	46573	49985	48324	59610	59778
SIPIUT. DAG. & BIL BEL. BAYAR	3857	5758	8638	23942	45560	78411
SIPIUTANG LAIN	9393	17222	12164	28337	144149	72258
CUKAI BELUM BAYAR	4759	7875	9682	10893	11655	16987
DIVIDEN BELUM BAYAR	3156	5932	6327	9668	0	0
OVERDRAF BANK & PINJAMAN LAIN	40982	35887	24534	82202	136382	174498
PERUNTUKAN	0	0	0	0	0	0
JUMLAH TANGGUNGAN SEMASA	62147	72674	61345	155042	337746	342154
HARTA SEMASA BERSIH	-46394	-26101	-11360	-106718	-278136	-282376
JUMLAH HARTA DIGUNAKAN	96787	259729	297785	480500	544544	486012

LAMPIRAN 1 (B) & (C)

FABER MERLIN BHD

(B) PENYATA UNTUNG RUGI

JUALAN	50531	82390	93016	175356	193189	128522
UNTUNG BELUM CUKAI	6222	14706	13607	25826	6372	-42820
CUKAI	3054	5309	5995	14499	16969	118
UNTUNG LEPAS CUKAI	3168	9397	7612	11327	-10597	-42938
KEPENTINGAN MINORITI	-230	-314	374	37	25	-56
PENYESUAIAN LAIN	0	0	0	0	0	0
UNTUNG BELUM ITEM LUAR BIASA	2938	9083	7986	11364	-10572	-42994
ITEM LUARBIASA	260	-200	945	-1000	-7199	-21237
UNTUNG LEPAS ITEM LUARBIASA	3198	8883	8931	10364	-17771	-64231
DIVIDEN	3157	5932	6327	9668	0	0
PENAMBAHAN KEPADA REZAB	41	2951	2604	696	-17771	-64231

ITEM YANG PENTING DARI AKAUN UNTUNG RUGI

FAEDAH (SEBENAR/ESTIMET)	3626	4206	5035	7350	12792	21335
SUSUTNILAI	2366	2748	3085	4203	6250	10105

(C) ANALISA KEWANGAN (NISBAH)

(1) NISBAH-NISBAH ASAS

	JUN 81	JUN 82	JUN 83	JUN 84	JUN 85	JUN 86
NILAI MUKA SESAHAM	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.00
BILANGAN SAHAM	87686	131815	131815	247759	311018	311503
HARTA BERSIH SESAHAM	\$0.97	\$1.79	\$1.79	\$1.52	\$1.38	\$1.18
PULANGAN ATAS EKUITI PEMEGANG SAHAM	3.47%	3.85%	3.38%	3.02%	-2.46%	-11.71%

(2) NISBAH-NISBAH KEMAMPUAN MEMBAYAR

LEBIHAN UNTUNG DARI BUNGA	2.72	4.50	3.70	4.51	1.50	-1.01
LEBIHAN UNTUNG DARI DIVIDEN	0.93	1.53	1.26	1.18	NM	NM
HUTANG BERBUNGA KEPADA EKUITI	0.58	0.23	0.11	0.34	0.45	0.65

(3) NISBAH-NISBAH PRESTASI PENGURUSAN

PUSINGAN HARTA TETAP	0.37	0.30	0.31	0.31	0.29	0.18
HARTA SEMASA KEPADA JUALAN	0.31	0.56	0.54	0.28	0.31	0.47
HARI STOK	10	7	6	4	5	35
HARI SIBERHUTANG DAGANGAN	78	93	73	40	71	100
NISBAH SEMASA	0.25	0.64	0.81	0.31	0.18	0.17
HARI SIPIUTANG DAGANGAN (KIRA DARI JUALAN)	28	25	34	50	86	223
KADAR PERTUMBUHAN JUALAN	NA	63.05%	12.90%	88.52%	10.17%	-33.47%

(4) NISBAH-NISBAH KEUNTUNGAN

MARJIN JUALAN BERSIH	6.27%	11.41%	8.18%	6.46%	-5.48%	-33.41%
KADAR PERTUMBUHAN UNTUNG	NA	209.16%	-12.08%	42.30%	NM	NM

LAMPIRAN 1 (D)**FABER MERLIN BHD****PENYATA ALIRAN DANA KASAR**

SUMBER DANA	1982	1983	1984	1985	1986
UNTUNG (RUGI) SELEPAS CUKAI	8883	8931	11327	(10597)	(42938)
SUSUTNILAI	2997	3318	4459	7323	10105
BUTIRAN (ITEMS) LAIN YANG TIDAK MELIBATKAN ALIRAN DANA	359	(1798)	8015	3320	5096
DANA DARI OPERASI	12239	10451	23801	46	(37929)
PINJAMAN	5263	(3752)	50585	61433	19849
JUALAN HARTA TETAP	773	114	313	9456	662
JUALAN PELABURAN	2154	5805	3329	1273	927
TERBITAN SAHAM BARU	69384	55795	63979	75020	14
JUMLAH DANA DARI SUMBER LAIN	77574	57962	118206	147182	21864
JUMLAH SUMBER DANA	89813	68413	142007	147228	(16065)
GUNAAN DANA					
DIVIDEN	3423	6176	6517	9819	12
BELIAN HARTA TETAP	52943	9694	102737	44192	56810
BELIAN PELABURAN	5654	7639	4381	145148	3002
BELANJA-BELANJA LAIN	930	156	5189	7549	8430
JUMLAH GUNAAN	62950	23665	118824	206708	65252
PENAMBAHAN/(KEKURANGAN) DALAM MODAL KERJA	26863	44748	23183	(59480)	(81317)
YANG DISEBABKAN OLEH:					
STOK-STOK	10127	15104	109803	66013	(18507)
AKAUN SIBERHUTANG	18355	(3501)	2857	22842	7493
AKAUN SIPIUTANG	(13370)	404	(33962)	(138193)	79772
PEGERAKAN DALAM DANA CAIR	11751	32741	(55515)	(10142)	12559

NOTA:

- (1) Perubahan dalam angka "stok" di penyata ini dan di penyata Kunci Kira-kira tidak sama oleh sebab stok tanah dikelaskan di bawah akaun "Tanah dan Bangunan".

LAMPIRAN 1 (E)FABER MERLIN BHDPENGHURAIAN AM

Memang telah diterima umum bahawa F Merlin adalah sebuah syarikat di bawah kawalan Kumpulan Fleet yang merupakan bahagian pelaburan bagi UMNO. Tetapi mengikut rekod rasmi, peratusan saham yang dimiliki oleh Fleet tidak begitu besar, ia hanya memiliki 14.6% terbitan saham biasa dan 59.9% stok pinjaman. Selepas semua stok pinjaman ditukar menjadi saham biasa, Kumpulan Fleet boleh dikatakan memiliki sebanyak 23%. Satu lagi pemegang saham yang utama ialah UEP Berhad yang menguasai sebanyak 6% selepas semua stok pinjaman ditukar menjadi saham biasa. Empat lagi pemegang saham utama di antara lima pemegang saham yang terbesar merupakan syarikat-syarikat amanah/nominee. (Ada kemungkinan sebahagian dari saham Fleet itu berada di bawah syarikat-syarikat amanah itu).

Nama Merlin tidak perlu diperkenalkan lagi. Apa yang mungkin tidak diketahui adalah saiz syarikat tersebut. Selepas semua stok pinjaman ditukar menjadi saham biasa, jumlah saham biasa syarikat itu akan menjadi 317 juta. Syarikat itu menguruskan 14 buah hotel di Malaysia di mana 10 buah adalah diuruskan melalui subsidiari-subsidiari yang dimiliki penuh. Ia mempunyai 3 lagi buah hotel di luar negeri - Hollywood, Perth dan satu lagi yang separuh dimilikinya tetapi berada di bawah pengurusannya - Singapura. Tambahan pula, ia mempunyai satu bahagian yang menjalankan perniagaan pembinaan. Projek yang terbesar itu merupakan pembangunan seluas 272 ekar di Taman Desa. Terdapat tiga lagi buah projek pembinaan kondominium yang sedang dijalankan dan satu projek pembinaan rumah di K.L. dan sekitarnya serta beberapa projek kecil di seluruh Malaysia.

Pembahagian untung/(rugi) sebelum cukai bagi aktiviti-aktiviti utama syarikat itu adala seperti berikut:-

	1985	\$ '000	1986
Bahagian Pembangunan Hartanah	23900		(1600)
Bahagian Hotel Tempatan	(21400)	(secara kasar)	(7000)
Bahagian Hotel Di Luar Negeri	NA		(23000)

NA = Tidak ada